

Dr M henti kritik jika bina jambatan

BH - 14/8/2006

CYBERJAYA: Tun Dr Mahathir Mohamad semalam menegaskan beliau sedia berhenti mempersoalkan keputusan kerajaan jika kepimpinan negara bersetuju menarik balik pembatalan projek jambatan baru menggantikan Tambak Johor.

"Pak Lah (Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) perlu membina jambatan itu. Jika beliau melakukannya, saya tidak akan mempunyai apa-apa komen lagi," katanya kepada pemberita selepas menghadiri

Majlis Konvokesyen Ke-7 Universiti Multimedia (MMU) di sini, semalam.

Dr Mahathir mengiringi isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang juga Canselor MMU menyampaikan ijazah kepada lulusan pusat pengajian tinggi (IPT) itu.

Mengenai langkah Naib Ketua Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin menjual keseluruhan 10.2 juta saham atau 1.23 peratus kepentingan dalam ECM Libra Avenue Bhd, Dr Mahathir berkata, keputusan itu adalah amat baik.

"Ya...ia sangat baik. Jika beliau

(Pak Lah) melakukannya (projek jambatan baru menggantikan Tambak Johor), saya tidak akan mempunyai apa-apa komen lagi," katanya.

Mengenai dakwaan Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan bahawa Ahli Lembaga Pengarah Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) tidak pernah menyokong keputusan Proton membeli Agusta, Dr Mahathir berkata: "Mereka (lembaga pengarah) boleh membuktikannya... saya yakin mereka ada dokumen untuk membuktikannya."

Sementara itu, Dr Mahathir berkata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nazri Aziz berhak mengeluarkan pandangan.

"Beliau ada pandangannya sendiri... saya ada pandangan saya. Tak ada apa-apa. Ini negara demokrasi... itu hak beliau," katanya yang mengulas kenyataan Nazri yang menganggap tindakan Dr Mahathir yang berterusan mengkritik pemimpin dan kerajaan, bertujuan mahu menghancurkan parti dan menjatuhkan Abdullah.